



UNIT KORPORAT

AKHBAR	: HARIAN METRO
TARIKH	: 20.10.2018
MUKA SURAT	: 07
ISU	: MISI JAIS 2019
BAHAGIAN	: -
TINDAKAN	: JEMUA BAHAGIAN.

Misi JAIS 2019

■ Gempur 40 geng ajaran sesat habis-habisan

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Gempur 40 kumpulan ajaran sesat habis-habisan, menjadi fokus Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kini dalam proses memperkemas pendekatan sedia ada untuk membanteras doktrin palsu di negeri itu bermula Januari 2019.

Pengarahnya Datuk Haris Kasim berkata, hasil pemantauan berterusan pihaknya mendapati 20 daripada 40 kumpulan ajaran sesat dikesan aktif di negeri itu beberapa tahun lalu.

Beliau berkata, pengikut ajaran berkenaan masih 'liat' untuk bertaubat biarpun sudah beberapa kali diserbu pihak berwajib.

Dia memberitahu bermula 2019 JAIS akan mempersiapkan anggota penguat kuasa bagi memastikan sasaran itu mampu dicapai selain memperkemas penguatkuasaan.

"Sebenarnya di Selangor isu ajaran sesat banyak dan kami memantau segala sudut. Ada yang baru, lama dan mahu diaktifkan semu-



HARIS

"Ada beberapa perkara kami sudah kenal pasti dan akan tambah baik selepas ini. JAIS akan gempur mereka dalam memastikan ajaran sesat tidak bersarang di negeri ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Shah Alam, semalam.

Berikutan itu Haris, meminta kerjasama orang ramai khusus dalam penyalaran maklumat jika mengesan aktiviti mencurigakan.

Menurutnya, usaha itu selari dengan titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, mahu JAIS serta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) lebih proaktif dalam menangani

pengasas atau pemimpin mereka.

Jelasnya pengikut berkenaan kini tidak dapat meneruskan agenda dan fahaman dibawa sebelum ini.

"Kami akan tengok semua dan kaji balik apa yang berlaku, ajaran tidak aktif ini disebabkan guru mereka sudah meninggal dunia, tak ada lagi siapa nak meneruskan ajaran itu, jadi pengikut terkapai-kapai tanpa hala tuju.

"Ada juga yang hadkan aktiviti selepas menyedari mereka dipantau JAIS, tapi sekarang kembali aktif. Kalau mana difatwakan sesat kami akan ambil tindakan mengikut kuasa yang ada," katanya.

Selain itu katanya, JAIS dan MAIS juga menumpukan kepada usaha dakwah, pendidikan dan kekeluargaan bagi menyediakan suasana lebih mesra kepada umat Islam di negeri itu sesuai dengan saranan Islam.

Katanya, inisiatif sedia ada juga akan diperhalusi seperti program agama, aktiviti bersama masyarakat dan ibu bapa dalam usaha menyemai semangat kekeluargaan serta masyarakat harmoni di Selangor.